



Ruj. MIDA : MIDA.024.400-5/6/73
Tarikh : 13 Oktober 2023

NOTIS PELAWAAN SEBUTHARGA

NO. SEBUT HARGA : SH MIDA BIL: 20/2023
PERKARA : SEBUTHARGA PERKHIDMATAN STOCKTAKE BAGI RASIONALISASI KE ATAS AGENSI PENGGALAKAN PELABURAN (KHIDMAT BUKAN PERUNDING)

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada :
Sesiapa Yang Berkenaan

Pelawaan Sebutharga oleh :
Ketua Pegawai Eksekutif

**Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Bahagian Pengurusan Korporat
Tingkat 14, MIDA Sentral, No. 5
Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur**

**No. Telefon : 03 – 2267 3633
No. Faks : 03 – 2274 7970**

Sebutharga adalah dibuka kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** di bawah Kod Bidang:-

221101 - Kakitangan Ikhtisas (Profesional) tidak termasuk khidmat perundingan dan/atau

221102 - Kakitangan Separa Ikhtisas (Semi Profesional) tidak termasuk khidmat perundingan

dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa.

1. PERINGATAN

- 1.1 Penyebutharga-penyebutharga dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir dokumen sebutharga sebelum mengemukakan tawaran.
- 1.2 **Pastikan dokumen sebutharga ditaip mengikut format seperti yang telah ditetapkan di dalam borang maklumbalas teknikal dan harga (softcopy dibekalkan).**
- 1.3 MIDA tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran.
- 1.4 Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan.**

2. JAMINAN ATAS SEBUTHARGA

- 2.1 Pendaftaran penyebutharga-penyebutharga di Kementerian Kewangan adalah merupakan jaminan ke atas sebutharga-sebutharga yang dikemukakan. Sekiranya penyebutharga-penyebutharga menarik balik tawaran sebelum sebutharga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan, tindakan tatatertib akan diambil dan MIDA akan mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya membatalkan pendaftaran tuan sebagai Kontraktor Kerajaan.

3. TEMPOH PERKHIDMATAN

Tempoh perkhidmatan bagi perolehan ini adalah **DUA (2) BULAN** bermula dari tarikh yang dinyatakan di dalam Surat Setuju Terima yang akan dikeluarkan bagi penyebutharga yang berjaya.

4. DOKUMEN SEBUTHARGA

- BAB 1 – Surat Akuan Penyebutharga & Surat Akuan Pembida
- BAB 2 – Spesifikasi Teknikal & Skop Kerja
- BAB 3 – Jadual Maklum Balas Teknikal
- BAB 4 – Pengalaman & Profil Syarikat
- BAB 5 – Jadual Maklum Balas Harga
- BAB 6 – Butir-Butir Penyebutharga & Maklumat Kewangan Syarikat

5. PENYERAHAN SEBUTHARGA

- 5.1 Dokumen sebhutharga hendaklah lengkap, ditandatangani dan diserahkan kembali kepada MIDA **termasuk soft-copy (sekiranya ada, disimpan dalam USB/ pen drive sahaja)** tidak lewat jam **12.00** tengah hari pada **20 Jumaat 2023 (Jumaat)**.
- 5.2 Sekiranya terdapat percanggahan maklumat di antara *soft-copy* dengan *hard-copy*, MIDA akan menggunakan maklumat dalam **hard-copy sebagai penentu.**
- 5.3 Tawaran ini hendaklah dikemukakan dalam **satu (1) sampul surat berlakri (sealed) beserta dokumen-dokumen yang mesti dikembalikan** dan ditanda bahagian atas sampul surat itu dengan:-

**SEBUTHARGA PERKHIDMATAN STOCKTAKE BAGI RASIONALISASI KE
ATAS AGENSI PENGGALAKAN PELABURAN
(KHIDMAT BUKAN PERUNDING)**

**SEBUTHARGA MIDA BIL. : 20/2023
DITUTUP PADA : 20 OKTOBER 2023 (JUMAAT)
MASA : SEBELUM / PADA 12.00 TENGAHARI**

Dokumen-dokumen yang mesti **dikembalikan** ialah :-

1.	Bab 1	Surat Akuan Penyebutharga Surat Akuan Pembida	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
2.	Bab 3	Jadual Maklum Balas Teknikal	<input type="checkbox"/>
3.	Bab 4	Pengalaman & Profil Syarikat :- ➤ Pengalaman/Profil Syarikat ➤ Projek Yang Sedang Dilaksanakan	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
4.	Bab 5	Jadual Maklum Balas Harga	<input type="checkbox"/>
5.	Bab 6	Butir-Butir Penyebutharga & Maklumat Kewangan Syarikat :- ➤ Penyata Bank untuk 3 bulan terakhir	<input type="checkbox"/>
6.		Salinan Pendaftaran Syarikat Dengan:- ➤ Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ➤ Kementerian Kewangan (MOF)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
7.		<i>Soft-Copy</i> Jadual Maklumbalas Teknikal (Jika Ada)	<input type="checkbox"/>
8.		<i>Soft-Copy</i> Jadual Maklumbalas Harga (Jika Ada)	<input type="checkbox"/>

5.4 Jika sebut harga dihantar dengan **menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier**, Penyebutharga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga **selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari, 20 Oktober 2023 (Jumaat)**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

5.5 Senarai semakan Sebut Harga bagi dokumen-dokumen yang disertakan adalah seperti di **Lampiran Semakan**.

Semua sebutharga hendaklah **dialamatkan kepada**:-

**Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
Tingkat 14, MIDA Sentral, No. 5
Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.**

5.6 Sebutharga hendaklah diserahkan di:-

**Bahagian Pengurusan Korporat
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
Tingkat 14, MIDA Sentral, No. 5
Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.**

6. SYARAT – SYARAT AM SEBUT HARGA

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

6.1 HARGA

Harga yang disebutkan hendaklah harga bersih termasuk kos penghantaran, pemasangan, insurans, diskaun, cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan sebagainya. Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM). Sebut harga ini sah selama **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup sebut harga.

6.2 HARGA INDIKATIF

- (a) Harga Indikatif Jabatan bagi sebutharga ini adalah **Ringgit Malaysia: Empat Ratus Dua Puluh Empat Ribu (RM424,000.00)**.
- (b) Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- (c) Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

6.3 **SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

6.4 **BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

6.5 **PERSETUJUAN**

- (a) MIDA tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (b) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6.6 **PEMERIKSAAN**

- (a) MIDA sentiasa berhak melantik pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut ; dan
- (b) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

6.7 **SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA DAN PEMBIDA**

Penyebutharga adalah dikehendaki melengkapkan dan menandatangani **Surat Akuan Penyebutharga dan Surat Akuan Pembida** dokumen sebutharga.

6.8 PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan / perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

6.9 PENOLAKAN

- (a) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (b) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada MIDA segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (c) Fasal kecil (a) dan (b) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak MIDA untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

6.10 PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan MIDA.

6.11 TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh Undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

6.12 INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

6.13 LARANGAN

- (a) Pengangkutan bagi barang-barang larangan dan merbahaya adalah tidak dibenarkan sama sekali. Pihak syarikat hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan bagi kemasukan barang-barang ke negara berkenaan dipatuhi.
- (b) Barang-barang kepunyaan orang lain (pihak ketiga) adalah tidak dibenarkan dimuatkan bersama barangan MIDA.

6.14 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- (a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- (b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);

- (c) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau Penyebutharga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694); dan
- (d) Mana-mana kontraktor atau Penyebutharga yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

6.15 PENAMATAN

MIDA atau melalui wakilnya berhak membatalkan perkhidmatan sekiranya syarikat berada dalam salah satu daripada keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada MIDA atau melalui wakilnya:-

- (a) Sekiranya syarikat masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan seperti di dalam sebutharga tuan; atau
- (b) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian kerja oleh syarikat, tanpa apa-apa sebab yang munasabah; atau
- (c) Tidak mematuhi arahan MIDA atau wakilnya tanpa apa-apa alasan yang munasabah; atau
- (d) Apabila syarikat diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

6.16 PENAMATAN ATAS SEBAB RASUAH ATAU AKTIVITI-AKTIVITI YANG MENYALAHU UNDANG-UNDANG

- (a) Tanpa prejudis ke atas mana-mana hak MIDA, sekiranya SYARIKAT, personel, kakitangan atau pekerjanya telah disabitkan bersalah di Mahkamah untuk rasuah atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang berhubung dengan Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain antara MIDA dan SYARIKAT tersebut, sekiranya ada, MIDA berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis serta-merta kepada SYARIKAT bagi maksud itu.
- (b) Akibat daripada penamatan tersebut, MIDA berhak menuntut segala kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh MIDA.
- (c) Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, kedua-dua pihak dengan ini bersetuju bahawa pihak SYARIKAT tidak mempunyai sebarang hak untuk membuat tuntutan ganti rugi termasuk kekurangan keuntungan, kerugian, atau apa-apa tuntutan lain akibat daripada penamatan Perjanjian ini.

7. PENERIMAAN SEBUTHARGA

- 7.1 MIDA akan memberi notis bertulis kepada penyebutharga yang berjaya apabila sebutharganya disetujuterima.
- 7.2 Notis itu tidaklah boleh disifatkan sebagai disetujuterima sehingga pengesahan bertulis daripada penyebutharga menyatakan bahawa semua syarat-syarat sebutharga atau yang diubahsuai adalah diterima.

8. BANTAHAN SPESIFIKASI

Penyebutharga yang merasa tidak berpuashati dengan spesifikasi yang disediakan, mereka berhak untuk membuat bantahan kepada MIDA dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh dokumen sebutharga mula diedarkan. Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

9. MAKLUMAT TAMBAHAN

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, syarikat diminta berhubung dengan **En. Mohd Adham Muhammad, Bahagian Pengurusan Korporat** di talian **03-2263 3542** dan emel : **mohdadham@mida.gov.my** atau **Pn. Farah Najeeha Arham, Bahagian Perancangan Strategik & Advokasi Polisi** di talian **03-2267 6750** dan emel : **farahnajeeha@mida.gov.my**.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(NORMI ALIAS)

Pengarah

Bahagian Pengurusan Korporat

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

BAB 1

SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA
TINGKAT 14, MIDA SENTRAL, NO. 5
JALAN STESEN SENTRAL 5
KUALA LUMPUR SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR.**

**SEBUTHARGA MIDA BIL. 20/2023
SEBUTHARGA PERKHIDMATAN STOCKTAKE BAGI RASIONALISASI KE ATAS
AGENSI PENGGALAKAN PELABURAN
(KHIDMAT BUKAN PERUNDING)**

Kepada:

Penyebutharga-penyebutharga,

Borang ini hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan JADUAL HARGA di dalam SAMPUL SURAT BERLAKRI

SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA

Kepada:

**Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MIDA Sentral, No. 5
Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.**

Tuan,

SEBUTHARGA MIDA BIL: 20/2023

SEBUTHARGA PERKHIDMATAN STOCKTAKE BAGI RASIONALISASI KE ATAS AGENSI PENGGALAKAN PELABURAN (KHIDMAT BUKAN PERUNDING)

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebutharga, saya yang menurunkan tandatangan di bawah ini adalah dengan ini mengambil bahagian sebutharga dan menawarkan untuk melaksanakan perkhidmatan di atas mengikut penentuan spesifikasi yang ditetapkan di dalam Dokumen Sebutharga.

2. Saya yang menurunkan tandatangan di bawah ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan semua Syarat-syarat Kontrak dan Spesifikasi Sebutharga ini dan bersetuju di atas harga yang ditawarkan RM..... sebagai asas perkiraan bagi pembayaran perkhidmatan yang telah dipesan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

3. Dengan ini juga telah difahami bahawa MIDA berhak menerima atau menolak sebarang sebutharga ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan sebutharga-sebutharga yang lain. Saya juga bersetuju untuk menerima kesemua atau sebahagian dari item-item yang ditawarkan dan sedia mengikut kehendak dan pertimbangan MIDA. Saya juga bersetuju bahawa harga sebutharga yang saya beri ini akan sah laku (*valid*) dan tidak ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebutharga dan tiada apa-apa syarat dikenakan selepas tarikh ditetapkan.

4. Selanjutnya saya bersetuju sekiranya sebutharga saya diterima, saya akan mengikat perjanjian kontrak serta memberi bon pelaksanaan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh terima surat tawaran dari MIDA, sekiranya diarahkan.

5. Saya juga mengesahkan, setelah menyemak sendiri iaitu semua dokumen yang digunakan untuk sebutharga ini adalah yang sebenar yang terdapat di dalam Dokumen Sebutharga.

Nama
Penyebutharga

:

(Tandatangan
Penyebutharga)

Alamat dan Cop
Rasmi Syarikat

:

Tarikh

:

Nama Saksi

:

(Tandatangan Saksi)

Alamat

:

SURAT AKUAN PEMBIDA

**SEBUTHARGA PERKHIDMATAN STOCKTAKE BAGI RASIONALISASI KE ATAS
AGENSI PENGGALAKAN PELABURAN (KHIDMAT BUKAN PERUNDING)**

(SEBUTHARGA MIDA NO. 20/2023)

Saya, nombor K.P.
yang mewakili syarikat
nombor Pendaftaran syarikat dengan ini mengisytiharkan
bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam MIDA atau mana-
mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas.
Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti
tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam MIDA atau mana-
mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas,
maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan- tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebutharga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebutharga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang
berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih
dalam sebutharga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan
perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
(SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :
No. KP :
Cop Syarikat :

BAB 2

SPESIFIKASI PERKHIDMATAN

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Mengenai Majlis Pelaburan Negara (MPN)

Majlis Pelaburan Negara (MPN) berperanan sebagai badan eksekutif tertinggi dalam merencanakan agenda berkaitan pelaburan sekaligus memastikan tadbir urus pelaburan negara diperkasakan. MPN juga bertanggungjawab untuk menangani isu dan cabaran utama dalam pelaksanaan projek-projek pelaburan, terutamanya yang melibatkan pelaburan strategik dan berimpak tinggi bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek-projek tersebut.

MPN dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan dianggotai secara tetap oleh Menteri Kewangan; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri; Menteri Ekonomi; Gabenor Bank Negara Malaysia dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.

1.2 Keputusan Majlis Pelaburan Negara (MPN)

Majlis Pelaburan Negara (MPN) Bil. 1/2023 yang bersidang pada 19 Mei 2023 telah memutuskan seperti berikut:

Dalam usaha untuk menyelaraskan aktiviti penggalakan pelaburan dengan lebih berkesan dan meningkatkan keupayaan Agensi Penggalakan Pelaburan (IPA) dari segi keutamaan strategik, fungsi, sumber manusia, ciri organisasi dan dasar tadbir urus, **penyusunan semula ekosistem IPA negara akan dimulakan dengan pelan penyelarasan fungsi dan peranan IPA secara berfasa.**

Sehubungan itu, MPN juga bersetuju untuk **memperkasakan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sebagai agensi penggalakan pelaburan utama negara.**

Pengukuhan fungsi penyelenggaraan akaun dan pemantauan oleh IPA serta pemusatan pelaporan maklumat terkini pelaburan di bawah satu platform atau *dashboard* tunggal juga akan menangani isu-isu pelabur secara tangkas serta menyokong penggubalan dasar untuk pembangunan industri, insentif galakan pelaburan dan memudahcara perjalanan pelabur serta fasilitasi pelaburan yang berkesan.

Hasrat ini adalah selaras dengan teras strategik di bawah Dasar Pelaburan Baharu (NIP) berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) yang menggariskan keperluan untuk menilai semula lanskap IPA negara agar lebih terancang sekaligus memudahkan perjalanan pelabur.

2.0 PERKHIDMATAN YANG DIPERLUKAN DAN OBJEKTIF

- 2.1** Sehubungan dengan keputusan MPN No.1/2023, rasionalisasi lanskap IPA perlu dilaksanakan, di mana fungsi promosi pelaburan dan pemasaran akan dipusatkan di bawah MIDA selaku agensi penggalakan pelaburan utama negara, manakala fungsi dan peranan IPA di peringkat Persekutuan yang lain perlu distrukturkan semula.
- 2.2** Pelaksanaan rasionalisasi lanskap IPA memerlukan pengambilan stok (*stocktaking*) dan pemetaan proses IPA.
- 2.3** Berdasarkan ini, MIDA memerlukan perkhidmatan konsultan (bagi khidmat bukan perundingan) bagi menjalankan '*Stocktake* untuk Rasionalisasi Lanskap Agensi Penggalakan Pelaburan (IPA)'.

3.0 SKOP PERKHIDMATAN

Spesifikasi perkhidmatan (khidmat bukan perundingan) yang diperlukan adalah seperti berikut:

3.1 Keperluan Kod Bidang

Syarikat yang berminat perlulah berdaftar dalam kod bidang berikut dan pendaftaran tersebut perlulah masih aktif:

- | | |
|--------|--|
| 221101 | Kakitangan Ikhtisas (Profesional) tidak termasuk khidmat perundingan; dan/atau |
| 221102 | Kakitangan Ikhtisas (Separa Profesional) tidak termasuk khidmat perundingan |

Skop Perkhidmatan

- 3.2** Menjalankan *stocktaking* bagi rasionalisasi lanskap IPA meliputi aktiviti ***investment promotion, implementation facilitation, monitoring and aftercare***.
- 3.3** Mengenalpasti **sekurang-kurangnya lima (5) pemboleh ubah (*enablers*) utama yang perlu diselaraskan** bagi penyeragaman fungsi dan peranan IPA.
- 3.4** Menjalankan **analisis mengenai *current position* IPA bagi pemboleh ubah (*enablers*) utama yang dikenal pasti dan mencadangkan *quick wins***

bagi penyeragaman fungsi dan peranan agensi penggalakan pelaburan yang boleh dilaksanakan menjelang 1 Januari 2024.

3.5 Aktiviti *stocktake* hendaklah memfokus kepada tiga (3) IPA peringkat Persekutuan yang ditentukan oleh MITI dan MIDA.

4.0 HASIL PERKHIDMATAN DAN GARIS MASA (DELIVERABLES AND TIMELINE)

4.1 Aktiviti *stocktake* (termasuk analisis mengenai *current position* IPA dan cadangan *quick wins*) hendaklah dijalankan bermula selewat-lewatnya minggu pertama November 2023 dan mengambil tempoh masa maksimum 6 – 8 minggu. Ini bagi membolehkan *quick wins* dilaksanakan menjelang 1 Januari 2024.

4.2 Syarikat yang telah dilantik bagi sebutharga dikehendaki menjalankan sesi libat urus dan apa-apa bentuk kaedah untuk mengumpul maklumat dan mendapatkan *buy-in* daripada pihak berkepentingan, termasuk IPA peringkat Persekutuan.

4.3 Semua dokumen laporan mesti disediakan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

4.4 Serahan: Syarikat yang telah dilantik bagi sebutharga ini perlu mengemukakan perkara berikut pada tarikh yang ditetapkan setelah kerja-kerja selesai bagi tujuan pembayaran dan hasil laporan dibentangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kelulusan di MIDA:

- Laporan akhir dalam bentuk *Word* dan *Powerpoint* yang mengandungi hasil dapatan *stocktake* (termasuk analisis mengenai *current position* IPA dan cadangan *quick wins*). Laporan perlu dibentangkan oleh penyebutharga berjaya kepada Jawatankuasa Kelulusan di MIDA.
- Minit mesyuarat bagi sebarang sesi libat urus bersama pihak berkepentingan, termasuk MIDA dan IPA peringkat Persekutuan, yang dijalankan untuk menjalankan aktiviti *stocktaking* ini.

5.0 PEMBAYARAN

5.1 Pembayaran akan dilakukan berdasarkan jadual berikut:

Bil.	Jadual Pembayaran/ <i>Milestones</i>	%
1.	<i>Kick-off meeting between MITI, MIDA and awarded company and acceptance of Framework</i>	10%
2.	<i>Approval of First Draft of Findings Report</i>	20%
3.	<i>Approval of Draft of Final Report</i>	30%
4.	<i>Approval of Final Report</i>	40%

5.2 Pembayaran ke atas hasil kerja akan dilaksanakan tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Kelulusan di MIDA.

5.3 MIDA berhak menarik balik kontrak atau menamatkan perkhidmatan syarikat pembekal sekiranya syarikat pembekal, tanpa sebab-sebab yang munasabah, gagal menjalankan perkhidmatan mengikut skop dan tahap kualiti yang ditentukan oleh MIDA atau melanggar sebarang terma dan syarat dalam kontrak yang dipersetujui bersama kelak. Pembayaran ke atas hasil kerja akan dilaksanakan tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Kelulusan di MIDA.

6.0 PEMILIKAN HASIL PERKHIDMATAN

6.1 Semua hasil perkhidmatan termasuk penemuan, laporan dan bahan (dalam domain bukan awam) yang dikumpul dan disediakan akan dimiliki sepenuhnya oleh MIDA sepanjang tempoh perkhidmatan dan selepasnya.

BAB 3

FORMAT MAKLUM BALAS TEKNIKAL PERKHIDMATAN STOCKTAKE BAGI RASIONALISASI KE ATAS AGENSI PENGGALAKAN PELABURAN (KHIDMAT BUKAN PERUNDINGAN)

Sebutharga dan cadangan yang diterima oleh pihak MIDA akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian yang dilantik oleh Ketua Pegawai Eksekutif, MIDA. Penilaian akan dilakukan berdasarkan serahan dokumen sebutharga yang lengkap dan pematuhan syarat-syarat sebutharga.

Bagi tujuan penilaian, maklum balas teknikal perlu dibekalkan dalam format *hardcopy* dan *softcopy* seperti berikut:

- i. Sesalinan **profil atau resume ahli pasukan** bagi projek perkhidmatan ini. Sila nyatakan pengalaman yang berkaitan dan rujukan kerja.
- ii. **Draf Skop Kerja** – hendaklah merangkumi:
 - Cadangan sekurang-kurangnya lima (5) pemboleh ubah (*enablers*) utama yang perlu diselaraskan bagi penyeragaman fungsi dan peranan agensi penggalakan pelaburan
 - Cadangan yang bersesuaian bagi perkara-perkara berikut bagi perkhidmatan *stocktake* yang akan dibekalkan:
 - Proses kerja dan aktiviti yang akan dijalankan berserta garis masa;
 - *Parameters of enablers to be analysed*; dan
 - *Deliverables (for recommendation of best quick wins)*

BAB 4

A. PENGALAMAN/PROFIL SYARIKAT

Senarai projek yang sama yang telah disiapkan dalam tempoh tiga tahun terakhir mengikut kronologi:-

No.	Butiran Kontrak	Nama Pelanggan dan Alamat	Jumlah Kontrak (RM)	Tarikh Siap

B. PROJEK YANG SEDANG DILAKSANAKAN

Senarai projek :-

No.	Butiran Kontrak	Nama Pelanggan & Alamat	Jumlah Kontrak (RM)	Tarikh Mula	Tarikh Dijangka Siap	% Kemajuan

BAB 5

BORANG JADUAL HARGA

Bil.	Perkara	Harga (RM)*
1.	Perkhidmatan ' <i>Stocktake</i> Bagi Rasionalisasi Ke Atas Agensi Penggalakan Pelaburan (IPA)'	
2.	Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) 6%	
Jumlah Keseluruhan (RM)		

*Syarikat penyebutharga hendaklah mengemukakan pecahan kos bagi sebutharga yang dicadangkan.

BAB 6

BUTIR-BUTIR PENYEBUTHARGA & MAKLUMAT KEWANGAN SYARIKAT

Syarikat perlu mengisi dengan lengkap semua seksyen dalam borang ini. Sekiranya ruang tidak mencukupi, maklumat boleh dikemukakan dalam kertas berasingan.

A. MAKLUMAT AM

1. Nama Syarikat :
2. Alamat :
3. No. Telefon :
4. No. Faks :
5. Emel :
6. Tarikh Pendaftaran /
Penubuhan :
7. No. Daftar Syarikat /
Perniagaan :
8. Tempat Pendaftaran/
Penubuhan :
9. Komposisi Pemegang
Saham :

No.	Nama Pemegang Saham	Jawatan	% Pegangan

10. Peratusan Penyertaan Bumiputera : _____ (%). (Sila kemukakan maklumat lanjut atau salinan sah pendaftaran sebagai Pembekal Bumiputera dengan Kementerian Kewangan).

11. Maklumat Pendaftaran Kementerian Kewangan

No.	No. Pendaftaran	No. bidang	Butiran / Keterangan	Tempoh Sah

Nota : Sila lampirkan salinan sijil pendaftaran.

12. Struktur Modal Syarikat :

(i) Modal Dibenarkan :

(ii) Modal Berbayar :

B. KEWANGAN

a. Ringkasan aset dan tanggungan berdasarkan akaun yang diaudit bagi tiga (3) tahun terakhir.

Tahun Kewangan:	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)
- Jumlah Aset			
- Aset Semasa			
- Jumlah Tanggungan			
- Tanggungan Semasa			
- Nilai Bersih			
- Modal Kerja			

b. Bank-bank Utama:

No.	Nama Bank & Alamat	Jenis Akaun
1.		
2.		
3.		

c. Kemudahan Kredit (Jenis dan jumlah kredit yang boleh disediakan oleh syarikat:)

No.	Jenis Kemudahan Kredit	Bank/Institusi Kewangan	Jumlah (RM)
1.			
2.			
3.			

Nota:

Penyata Bank bagi tempoh tiga (3) bulan terakhir hendaklah disertakan bersama-sama serahan borang sebutharga

LAMPIRAN SEMAKAN

SEBUTHARGA PERKHIDMATAN STOCKTAKE BAGI RASIONALISASI KE ATAS AGENSI PENGGALAKAN PELABURAN (KHIDMAT BUKAN PERUNDING)

SEBUTHARGA MIDA BIL: 20/2023

Sila tandakan (✓) bagi Dokumen-dokumen yang disertakan.

Bil.	Perkara / Dokumen	Semakan oleh Syarikat	Semakan oleh MIDA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran dari Kementerian Kewangan (MOF)		
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera dari Kementerian Kewangan (MOF) - jika ada		
3.	Salinan Sijil Berdaftar Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		
4.	Surat Akuan Penyebutharga (Bab 1)		
5.	Surat Akuan Pembida (Bab 1)		
6.	Jadual Teknikal (Bab 3)		
7.	Pengalaman & Profil Syarikat (Bab 4)		
8.	Jadual Harga (Bab 5)		
9.	Butir-Butir Penyebutharga & Maklumat Kewangan Syarikat (Bab 6)		
10.	Penyata Bulanan Akaun bagi 3 bulan terakhir		
11.	Lain-lain Sekiranya Ada (Sila Nyatakan) <ul style="list-style-type: none">➤ <i>Soft-copy</i> Maklumbalas Teknikal➤ <i>Soft-copy</i> Maklumbalas Harga		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

PENGESAHAN OLEH MIDA

Jawatankuasa Penilaian mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada) :-

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :